

IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-399 : ADAKAH MAYAT AKAN MENJADI BERAT JIKA SEMASA HIDUP SUKA BERBARING SEMASA MENDENGAR AZAN



Soalan :

Assalamualaikum ustaz. Betulkah kalau orang yang baring semasa azan mayatnya nanti berat. Mohon pencerahan ustaz. Terima kasih ustaz.

Jawapan :

Walaikumussalam wbt. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Azan adalah antara syiar Islam yang agung yang tidak boleh diabaikan oleh umat Islam. Ianya dilaungkan pada setiap kali solat fardu. Kalimah-kalimah yang terdapat di dalam azan adalah kalimah-kalimah yang mengajak umat Islam supaya menghahayati tauhid. Menyeru umat agar

segera menunaikan solat dan mengajak agar bersama-sama menuju kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kembali kepada persoalan yang dikemukakan, memang terdapat sebuah hadis yang menyebut supaya bangun ketika mendengar laungan azan. Hadis tersebut berbunyi :

??? ?????????? ?????????? ?????????? ?????????? ?????????? ????? ???? ???? ?

Maksudnya :” Jika kalian mendengar seruan azan maka bangunlah. Ia adalah hak dan kefarduan daripada Allah.”

Hadis ini dinukilkan oleh Abu Nua’im Al-Asbahani di dalam *Hilyah Al-Awliya’ Wa Tabaqat Al-Asfiya’* (2/174) dan Al-Dailami di dalam *Al-Firdaus Bi Ma’thur Al-Khitab* (2/266). Abu Nua’im berkata :

“**Muhammad Bin Muammar** menceritakan kepada kami. Beliau berkata : **Ahmad Bin Ya’kub** menceritakan kepada kami. Beliau berkata : **Al-Walid Bin Salamah** menceritakan kepada kami daripada **Yunus Bin Yazid** daripada **Ibnu Syihab Al-Zuhri** daripada **Sa’id Bin Musyyab** daripada **Uthman Bin Affan...**”

Berikut adalah perincian perawi-perawi yang meriwayatkan hadis ini :

1. **Muhammad Bin Muammar Bin Muhammad Bin Abdullah Al-Sami**. Beliau meriwayatkan hadis daripada Yahya Bin Hafs Al-Kufi dan Muhammad Bin Makhlad. Al-Khatib pernah menyebut berkenaan beliau akan tetapi tidak pula dinyatakan kritikan mahupun pujian. Beliau meninggal dunia pada tahun 350H. (Rujuk **Akhbar Asbahan**, 2/284 ; **Tarikh Baghdad**, 3/304)
2. **Ahmad Bin Ya’qub** adalah seorang perawi yang berasal daripada Turmuz. Al-Hafiz Al-Iraqi menukilkan kenyataan Al-Daruqutni bahawa beliau ada seorang perawi yang lemah. (Rujuk **Zayl ‘ala Mizan Al-‘Itidal** hlm 79).
3. **Al-Walid Bin Salamah** meriwayatkan hadis daripada Umar Bin Qays dan lain-lain lagi. Ibnu Abi Hatim menyatakan bahawa hadis-hadis yang diriwayatkan oleh beliau hilang. Bahkan Ibnu Abi Hatim dan Al-Hafz Ibnu Hajar Al-Asqalani menyatakan bahawa beliau adalah seorang pendusta. (Rujuk **Al-Jarh Wa Al-Ta’dil**, 9/6 ; **Lisan Al-Mizan**, 6/222)
4. **Yunus Bin Yazid Bin Abi Al-Najjad Al-Aili**. Beliau merupakan seorang perawi yang thiqah namun riwayat-riwayat hadis yang beliau ambil daripada Al-Zuhri kebanyakannya beliau ada melakukan sedikit kesilapan. Jika beliau riwayat selain daripada Al-Zuhri maka kesilapan beliau lebih banyak. Beliau wafat pada tahun 100 H. (Rujuk **Tahzib Al-Tahzib**, 11/450).

Secara ringkasnya kami cenderung mengatakan bahawa hadis ini adalah hadis yang palsu kerana di dalam sanad hadis ini terdapat seorang perawi yang bernama Al-Walid Bin Salamah. Beliau

